

02/05/2001

Pekerja hargai pengiktirafan

SHAH ALAM, Selasa - Pekerja di negara ini menghargai pengiktirafan kerajaan kepada sumbangan serta jasa pekerja pelbagai sektor selain membela nasib mereka.

Juruwang Makro Cash and Carry Distribution (M) Sdn Bhd (Makro) di sini, Noraida Husin, 24, berkata sambutan Hari Pekerja yang diadakan setiap tahun membuktikan kerajaan menghargai pekerja selain mengambil berat pelbagai masalah dihadapi mereka.

"Pekerja berasa sumbangan yang mereka berikan selama ini dihargai," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan Hari Pekerja dilaporkan berkata, kerajaan memberi tumpuan terhadap usaha melatih dan mendidik pekerja dengan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran supaya mereka dapat terus bekerja dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau berkata, kemajuan yang dicapai sejak merdeka adalah hasil keamanan yang wujud selama ini serta sokongan dan sumbangan semua pihak termasuk pekerja.

Noraida berkata, janji kerajaan untuk terus membela nasib dan kebajikan pekerja adalah wajar kerana selama ini sumbangan mereka kepada ekonomi negara begitu banyak.

"Kami menghargai keprihatinan kerajaan dalam usaha berterusan demi membela nasib pekerja dengan menjaga kebajikan terutama dari segi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja," katanya.

Pekerja OYL Manufacturing Company Sdn Bhd, Samsudin Mohd Zin, 19, berkata saranan Perdana Menteri untuk melihat pekerja mempunyai pengetahuan bagi meningkatkan produktiviti wajar diterima dan dipraktikkan.

Muhammad Nasir Ramali, 30, yang menyokong saranan Perdana Menteri itu, bagaimanapun mahu kerajaan bersikap lebih tegas dengan mengehadkan pengambilan pekerja asing, terutama dalam sektor perkilangan kerana menjejaskan peluang pekerja tempatan.

"Pekerja yang dibuang sukar mendapat kerja di kilang lain kerana kebanyakan diisi pekerja asing yang dibayar gaji rendah," katanya.

(END)